



# Pokok Kemunting Antijerawat

**M**alaysia bertuah kerana kaya dengan pelbagai flora dan fauna. Kebanyakan maklumat tentang flora dan fauna ini masih belum diketahui secara mendalam. Masih banyak tumbuhan semula jadi di Malaysia yang jarang-jarang diketahui umum. Sebagai contohnya, pokok kemunting.

Pokok kemunting memainkan peranan sejak zaman dahulu, terutamanya bagi penduduk pesisir pantai kerana manfaatnya. Secara biasanya, pokok ini tumbuh liar, terutamanya di kawasan yang kurang naungan pokok lain, seperti pesisir pantai, tebing sungai dan lombong.

Kemunting atau *Rhodomyrtus tomentosa* ialah tumbuhan yang berasal daripada keluarga Myrtaceae,

iaitu sama seperti pokok jambu air dan jambu batu. Pokok kemunting ialah tumbuhan nadir yang hanya ada di India, selatan China, Filipina, Malaysia dan Sulawesi.

Pokok kemunting ialah tumbuhan renek, iaitu tumbuhan yang mempunyai ketinggian maksimum lebih kurang empat meter sahaja. Pokok ini mempunyai rintangan yang sangat kuat terhadap sekitarnya dan mampu

hidup di kawasan kering dan berpasir, terutamanya pesisir pantai.

Daun pokok kemunting mempunyai permukaan yang berkilat dengan susunan daun yang bertentangan. Pokok kemunting memiliki bunga yang cantik apabila berbunga. Bunganya berbentuk tunggal atau mempunyai tiga kelopak bunga yang keluar daripada setiap pangkal daun.

Setelah berbunga, pokok kemunting menghasilkan buah berwarna hijau. Setelah ranum, warna buahnya bertukar ungu dan menarik perhatian pelbagai spesies burung, terutamanya burung merbah, iaitu agen utama bagi penyebaran biji benih pokok kemunting.

Dalam bidang perubatan tradisional, turun-temurun yang diamalkan dari





satu generasi ke generasi seterusnya, pokok kemunting terbukti mujarab untuk merawat pelbagai penyakit. Daripada daun hingga akar, tumbuhan ini mempunyai nilai tersendiri dalam perubatan tradisional.

Sebagai contohnya, air rebusan daun pokok kemunting diminum bagi mengurangkan cirit-birit. Air rebusan juga sering digunakan untuk merendahkan suhu badan ketika demam panas.

Selain itu, daun kemunting yang ditumbuk lumat dipercayai dapat membantu menghentikan perdarahan dan menyembuhkan luka kecil. Akar pokok kemunting juga dipercayai mujarab untuk membantu sistem penghadaman. Hal ini dilakukan dengan merebus akar pokok kemunting sebelum air rebusan ini diminum.

Namun begitu, setiap tumbuhan mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri. Begitu juga dengan pokok kemunting. Selain digunakan untuk kegunaan luar badan, pengambilan produk herba perlu mendapat nasihat daripada pihak bertanggungjawab. Hal ini penting untuk mengelakkan kesan sampingan yang disebabkan oleh pengambilan produk ini yang melebihi dos yang dibenarkan.

Berdasarkan kajian aktiviti antioksidan yang dilakukan oleh Wu Ping daripada Universiti South China Normal pada tahun 2015, didapati bahawa ekstrak buah kemunting mempunyai kesan antioksidan terhadap tikus. Kajian ini bertajuk Penyiasatan In

Vitro dan In Vivo bagi Aktiviti Antioksidan Ekstrak Flavanoid Diperkaya daripada Beri *Rhodomyrtus tomentosa* (Ait) Hassk.

Dalam kajian yang menggunakan tikus putih sebagai bahan eksperimen ini, didapati bahawa ekstrak etanol daripada buah kemunting mempunyai kesan antioksidan yang amat tinggi. Sebanyak enam jenis flavonoid dikenal pasti dalam ekstrak kemunting. Satu daripadanya ialah kuersetin.

Secara umumnya, flavonoid diperlukan oleh badan untuk menjalankan fungsi seharian. Sebagai contohnya, bahan ini berperanan sebagai agen antioksidan, antiradang dan antibakteria. Dalam kajian ini, bahan ini menunjukkan kesan antioksidan yang baik kepada badan, iaitu sama seperti buah anggur dan epal.

Dengan penemuan ini, secara tidak langsung, wujud penemuan baharu, khususnya bagi ekstrak kemunting. Sementara itu, berdasarkan kajian terdahulu, didapati bahawa kebarangkalian untuk seseorang itu mengalami masalah jantung atau strok berkurang jika makanan yang kaya dengan flavonoid, terutamanya kuersetin, dimakan.

Selain buah pokok kemunting, daun pokok kemunting juga menunjukkan kesan antibakteria yang baik. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Surasak Limsuwan dari Universiti Prince Songkla dalam artikel yang bertajuk "Perencanaan Pelekatan Mikrob pada Permukaan Plastik dan Sel Epitelial Bukan Manusia oleh Ekstrak Daun *Rhodomyrtus tomentosa*" pada tahun 2014, didapati bahawa ekstrak daun pokok kemunting mampu merencatkan proses pelekatan dan pembiakan bakteria dalam kajian kesihatan mulut.

Dalam kajian ini, ekstrak kemunting dan bahan kimia yang berjaya diekstrak daripada kemunting, iaitu rodomirton mampu menghalang pelekatan pelbagai jenis bakteria pada tisu perumah, seterusnya menghalang pembiakan bakteria.

Dalam penemuan ini, ekstrak etanol daun pokok kemunting menunjukkan aktiviti antibakteria yang positif terhadap bakteria *Staphylococcus aureus*, *Streptococcus mutans* dan *Candida albicans* yang berupaya merosakkan kesihatan gigi yang diketahui umum. Dengan penemuan ini, masalah kerosakan gigi yang disebabkan oleh aktiviti bakteria di dalam mulut dapat diatasi.

Selain berupaya bertindak sebagai agen kesihatan mulut, ekstrak kemunting juga dikaji sebagai bahan perencat dalam pembentukan jerawat. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Prince Songkla, didapati bahawa ekstrak pokok kemunting turut menunjukkan kesan antijerawat.

Hasil penemuan ini diterbitkan dalam jurnal *Anaerobe* dengan tajuk "Aktiviti Antipropioni Bakterium Jerawat *Rhodomyrtone*, Suatu Sebatian Berkesan daripada Daun *Rhodomyrtus tomentosa* (Aiton) Hassk". Ekstrak ini berjaya merencatkan aktiviti *Propionibacterium acnes*, iaitu bakteria utama yang menyebabkan masalah jerawat.

Walaupun tidak menyebabkan kematian, masalah ini meningkatkan tekanan secara tidak langsung. Pada masa yang sama, masalah ini memerlukan kos yang banyak. Berdasarkan penemuan terdahulu juga didapati bahawa bakteria ini makin hari makin kalis terhadap antibiotik dan antibakteria. Dengan penemuan ini, secara tidak langsung, alternatif bagi krim pencegah antibakteria semula jadi dapat dihasilkan.

Sebagai kesimpulannya, adalah jelas bahawa khasiat pokok kemunting mampu menyumbang sesuatu dalam bidang perubatan. Secara hakikatnya, banyak lagi rahsia pokok kemunting dan tumbuhan herba lain yang ada di Malaysia yang belum dikaji dengan sepenuhnya oleh penyelidik tempatan. Segala usaha perlu diteruskan agar usaha yang separuh jalan ini tidak disia-siakan. □